

## **SOALAN LAZIM PERKHIDMATAN AR RAHNU YaPEIM ONLINE (ARY Online)**

**1. Siapakah yang boleh membuat pembayaran ARY Online?**

Pembayaran ARY Online terbuka kepada semua gadaian aktif para pelanggan Ar Rahnu YaPEIM. Tujuan pembayaran adalah bagi bayaran nilai pembiayaan atau jumlah upah simpan yang terdapat di dalam sistem.

**2. Berapakah kadar bayaran minimum/maksimum untuk menggunakan perkhidmatan ARY Online?**

Jumlah bayaran minimum adalah RM1.00 manakala jumlah bayaran maksimum bergantung kepada jumlah yang terdapat di dalam sistem. Walau bagaimanapun pelanggan perlu meninggalkan baki pembiayaan sebanyak RM5.00 dan penebusan akhir perlu dibuat di cawangan di mana transaksi gadaian dilakukan.

**3. Adakah perkhidmatan ARY Online boleh digunakan untuk semua produk di cawangan Ar Rahnu YaPEIM?**

Tidak. Hanya produk gadaian Ar Rahnu YaPEIM sahaja yang dibuka untuk tujuan pembayaran secara Online.

**4. Bolehkah saya membuat pembayaran pada bila-bila masa?**

Boleh. Perkhidmatan pembayaran pembiayaan/upah simpan melalui ARY Online beroperasi 24 jam sehari. Namun, ianya bergantung kepada talian internet.

**5. Bagaimanakah kaedah pembayaran dibuat?**

Para pelanggan boleh melayari pautan berikut:-

- i) Melalui pautan <https://arrahnupay.yapeim.my>
- ii) Melalui laman sesawang <https://www.arrahnuyapeim.net> & klik butang Bayar Online
- iii) Melalui carian *google* 'ARRAHNUPAY'

**6. Berapakah caj yang dikenakan untuk setiap transaksi pembayaran?**

Caj untuk setiap transaksi pembayaran adalah sebanyak RM1.50

**7. Terma dan syarat pembayaran ARY Online:**

- i) Pembayaran hanya untuk ansuran sahaja.
- ii) Pembayaran penuh bagi penebusan perlu dibuat di cawangan di mana transaksi gadaian dilaksanakan.

**8. Bolehkah saya menggunakan mana-mana akaun bank untuk membuat transaksi ARY Online?**

Ya, para pelanggan boleh menggunakan mana-mana akaun bank aktif yang dinyatakan di dalam ARY Online untuk membuat transaksi pembayaran.

**9. Apakah tindakan/langkah yang perlu dilakukan sekiranya laman ARY Online tidak memberi respon semasa membuat proses bayaran dan akaun bank TIDAK ditolak?**

Pelanggan perlu menyemak semula maklumat bayaran di dalam akaun bank. Sekiranya tiada penolakan berlaku, pelanggan boleh membuat bayaran semula.

**10. Apakah tindakan/langkah yang perlu dilakukan sekiranya laman ARY Online tidak memberi respon semasa membuat proses bayaran tetapi akaun bank TELAH ditolak dan resit tidak dipamerkan?**

Pengguna perlu membuat semakan bayaran semula di ARY Online, **30 minit** selepas urusan bayaran dengan cara berikut:

- i) Pada *tab Gadaian*, klik pada **No Rujukan Gadaian** di mana pembayaran dilakukan,
- ii) Klik butang **Butiran**,
- iii) Pada **Log Pembayaran**, pilih **Pembayaran AtasTalian**,
- iv) Klik pada **Rekod Bayaran**,
- v) Klik butang **Cetak**.

**11. Apakah tindakan/langkah yang perlu dilakukan sekiranya pembayaran telah berjaya tetapi resit tidak dipamerkan dan tiada rekod bayaran?**

Pengguna perlu membuat semakan bayaran semula di ARY Online, **30 minit** selepas urusan bayaran dengan cara berikut:

- i) Pada *tab Gadaian*, klik pada **No Rujukan Gadaian** di mana pembayaran dilakukan,
- ii) Klik butang **Butiran**,
- iii) Pada **Log Pembayaran**, pilih **Pembayaran AtasTalian**,
- iv) Klik pada **Rekod Bayaran**,
- v) Klik butang **Cetak**.

Hubungi talian Hotline Ar Rahnua YaPEIM di 1300 88 1230 jika rekod bayaran masih tidak dipamerkan.

**12. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya pengesahan email pendaftaran tidak diterima?**

- i) Semasa membuat pendaftaran, sila pastikan alamat email adalah betul
- ii) Pastikan pengesahan dibuat dalam masa **30 minit** selepas menekan butang "Daftar". Sekiranya pengesahan tidak dibuat dalam masa 30 minit, pendaftaran tersebut adalah terbatal dan perlu membuat pendaftaran semula. Sekiranya alamat email salah, sila daftar semula selepas **30 minit**.

**13. Bagaimana saya ingin mendapatkan info atau maklumat lanjut berkaitan pembayaran ARY Online?**

Para pelanggan boleh hubungi talian Hotline Ar Rahnua YaPEIM di 1300 88 1230 atau layari laman sesawang [www.arahnuayapeim.net](http://www.arahnuayapeim.net) atau Facebook *aryofficial.my* atau kunjungi cawangan yang berdekatan untuk mendapatkan info dan maklumat lanjut.